

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA
SELATAN)**
TARIKH : 19 OKTOBER 2015
SOALAN :

YB Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan alasan untuk tidak meluluskan permohonan Dato Seri Anwar Ibrahim untuk menjalani pembedahan mikro akibat masalah kedua belah bahu dan menjalani fisioterapi pada kekerapan yang betul di HKL atau PPUM

Tuan Yang di-Pertua,

Ingin saya menyatakan di sini bahawa Dato Seri Anwar Ibrahim telah di periksa oleh 3 (tiga) kumpulan pakar ortopedik termasuk pakar ortopedik yang dipilih oleh pihak keluarga beliau. Ketiga-tiga kumpulan pakar ortopedik ini telah memeriksa Dato Seri Anwar Ibrahim seterusnya memberi beberapa cadangan rawatan dan pihak hospital menunggu keputusan untuk jenis rawatan yang dipersetujui oleh Dato Seri Anwar Ibrahim.

Datuk Seri Anwar Ibrahim telah disyorkan untuk menjalani fisioterapi yang bersesuaian dengan keadaannya. Beliau telah diberi tunjuk ajar jenis-jenis fisioterapi untuk dilakukan olehnya setiap hari. Dari semasa ke semasa Pakar Ortopedik dan Anggota Fisioterapi akan memantau perkembangannya.